



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	1/7/2019
JABATAN	:	JMG
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Aktiviti perlombongan di Kuala Koh disita 11 Jun

Syarikat tak dibenar operasi sehingga dapat kebenaran JMG

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Ramli Ibrahim
 bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Aktiviti perlombongan yang beroperasi tanpa kebenaran di Kuala Koh, Gua Musang, sudah disita pada 11 Jun lalu.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob, berkata susulan itu, syarikat terbabit tidak dibenarkan melombong sehingga mendapat skim kebenaran dari pada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

"Untuk pengetahuan semua lesen syarikat dikeluarkan kerajaan negeri, manakala kebenaran

atau skim melombong perlu mendapat kelulusan daripada JMG.

"Syarikat di Kuala Koh itu memiliki lesen daripada kerajaan negeri, namun tiada skim kebenaran daripada JMG.

"Justeru, JMG sudah menyita aktiviti perlombongan itu sehingga mendapat kebenaran." katanya kepada pemberita selepas merasmikan as-Selihin cawangan Pantai Timur di sini, semalam.

Isu aktiviti perlombongan itu menjadi tumpuan susulan kemarahan 15 penduduk Orang Asli suku Batek di Kuala Koh yang sebelum ini didakwa ada kaitan dengan sumber air masyarakat berkenaan.

Dalam perkembangan lain berhubung tuntutan royalti minyak pulia, Ahmad berkata, kerajaan negeri sudah memenuhi syarat dengan menarik balik saman dan kini menunggu maklum balas Kerajaan Persekutuan.

"Serikat ini, belum ada bertia

lagi tetapi kerajaan diharapkan mempercepatkan proses pembayaran bagi membolehkan wang itu diguna untuk keperluan infrastruktur kesihatan, kebersihan dan peluang pekerjaan di Kelantan," katanya.

Sementara itu di Gua Musang, bilangan Orang Asli suku Batek ditempatkan di pusat penindahan sementara (PPS) Etnobotani di sini, meningkat kepada 78 orang, setakat petang kelmarin.

Masyarakat dari Kampung Kuala Koh itu dikehendaki tinggal di PPS terbabit selepas menerima rawatan dan keluar daripada Hospital Gua Musang (HGMA).

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah, Hizani Ibrahim, berkata jumlah ini meningkat berikutan penduduk Orang Asli yang dirawat sudah keluar dari hospital.

Beliau berkata, masih ramai penduduk kaum itu, termasuk kanak-kanak, yang sedang menerima rawatan di Hospital Kuala

Krai (HKK) dan bakal ditempatkan di PPS berkenaan.

"Jumlah penduduk tinggal di PPS meningkat setiap hari berbanding hanya sembilan orang pada hari pertama dibuka, 17 Jun lalu.

"Mereka lebih selesa tinggal sementara di PPS itu sebagai pusat kawalan dan kuaranin bagi mengelakkan jangkitan penyakit," katanya.

Media sebelum ini melaporkan insiden jangkitan demam campak menyebabkan 15 Orang Asli di Kampung Kuala Koh meninggal dunia, manakala 112 lagi menerima rawatan lanjut.

Mengulas lanjut, Hizani berkata, penduduk ditempatkan di PPS ini diberi pengawasan secara berkala, termasuk dari segi kebersihan dan kebersihan mereka sepanjang masa.

Beliau berkata, selain disediakan makanan mengikut jadual, mereka juga diberi kaunseling dan aktiviti bertamadun.